



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 09 Tahun 2022

**TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF
PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

TUJUAN

1. Tawaran Iklan Kenaikan Pangkat ini bertujuan untuk mempelawa Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:-

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan

3. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- i. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- ii. Telah menandatangani Surat Aku Janji; dan
- iii. Telah mengisytiharkan harta.

4. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan Tertinggi :

- i. Jawatan : Ketua Pustakawan
- ii. Gred Jawatan : VU7
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Ketua Timbalan Pustakawan Gred S54 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Pustakawan Gred VU7 yang kosong apabila telah :

- a. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- b. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji VU7

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM7,676.00	RM20,592.00	9%

PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.

- ii. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Urusetia Jawatankuasa kenaikan pangkat sebelum tarikh tutup permohonan:-

Bil	Dokumen/Perkara	Jumlah Salinan Yang Diperlukan
1.	Folio Peribadi yang lengkap (Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat).	1 salinan
2.	Salinan sijil akademik terkini (jika ada) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 salinan

Nota : Salinan sijil-sijil penghargaan / latihan / lantikan Jawatankuasa / lain-lain berkaitan TIDAK perlu disertakan. Salinan sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temu bual.

- iii. Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- iv. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- v. Pemohon akan dipanggil untuk sesi temu bual sebelum perakuan oleh Majlis Sumber Manusia dan keputusan Lembaga Pengarah Universiti.
- vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 22 Februari 2022.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)
- vii. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

Bahagian Kemajuan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 08 Februari 2022.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 08 Februari 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 09/2022)